

# Mahathir: Ambil iktibar perjuangan asal UMNO

M. N. 11 MAR 1990

**I**POH 10 Mac — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengajak orang-orang Melayu mengambil iktibar dari perjuangan asal UMNO yang terpaksa melalui "onak dan duri," semata-mata kerana mahu menegakkan perpaduan bangsa dan kemakmuran negara.

Kata beliau, UMNO diwujudkan dalam rintihan dan kesengsaraan orang-orang Melayu yang serba serbinya kekurangan.

Malahan, tambah beliau, penat jerih pemimpin bangsa mahukan sebuah badan "pelindung" ketika itu telah disambut dengan pelbagai halangan oleh pihak penjajah.

"Pemimpin - pemimpin ketika itu tidak menghiraukan halangan demikian dan akhir-

nya mereka berjaya menyatupadukan bangsa Melayu dalam sebuah pertubuhan iaitu UMNO," tegas Perdana Menteri kepada hampir 20,000 anggota UMNO ketika merasmikan pameran Sejarah Perkembangan UMNO Perak ditapak Ekspo Peladang di Medan Gopeng di sini hari ini.

Beliau menekankan, UMNO diwujudkan tahun 1946 adalah bermatlamatkan perpaduan Melayu.

Dari perpaduanlah, kata beliau, orang-orang Melayu mampu menghancurkan Malayan Union ciptaan penjajah British dan memerdekakan negara ini.

"Inilah sejarah perjuangan yang tidak harus dilupakan oleh orang-orang Melayu terutama

generasi muda yang sedang menganggotai UMNO sendiri," kata beliau.

Katanya, UMNO mahu setiap orang Melayu belajar dari sejarah perjuangan bangsa mereka, terutama ketika UMNO mahu ditegakkan dalam keadaan masyarakat Melayu "miskin serba serbinya."

Pada ketika itu, beliau menambah, tidak ada orang Melayu yang kaya, orang-orang Melayu miskin segala-galanya.

"Orang Melayu miskin harta benda, miskin pelajaran dan miskin itu dan ini, tetapi mereka kaya dengan semangat dan itulah modal yang berjaya memadukan barisan perjuangan mereka hingga British tunduk kepada kemahuan orang-orang Melayu," katanya.

Orang-orang dan masyarakat Malaysia haruslah berterima kasih kepada apa yang telah diperjuangkan oleh pemimpin yang terdahulu dari mereka, terutama ketika berjuang bermatian untuk menegakkan perpaduan dan mendapat kebebasan dari penjajahan.

Kata beliau, orang-orang Melayu harus belajar dari apa yang menjadi sejarah bangsa

"Yang baik mesti dijadikan ikutan dan yang buruk dan tidak berfaedah dijadikan sempadan," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, ketika UMNO mahu ditegakkan tahun 1946 tidak ada sebarang niat orang-orang Melayu untuk bercantum dengan sesiapa.

Apa yang menjadi matlamat perjuangan mereka ialah nasib bangsa dan negara haruslah dibela, serta orang-orang Melayu mesti tinggal dalam satu kumpulan seperti UMNO, katanya.

"Inilah senjata mereka, senjata sejati orang-orang Melayu ialah perpaduan," kata beliau.

Presiden UMNO itu menyelar seorang pemimpin politik tanahair yang kononnya berjuang menegakkan semangat perjuangan UMNO tahun 1946, sedang tidak mengetahui sebenarnya perjuangan asasi UMNO ketika mula-mula hendak diwujudkan.

"Mana orang ini tahu semangat sebenar perjuangan orang-orang Melayu ketika itu, kerana usianya baru lapan tahun dan tak tahu apapun mengenai perjuangan ini," kata Perdana Menteri.